

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (52)  
Tarikh : 17 September 2014

**Ketua Pengarang  
Nam Naadu**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR NAM NAADU BERTAJUK "12 ORANG ANAK, 69 TAHUN TETAPI MASIH TIADA IC!" BERTARIKH 12 SEPTEMBER 2014, JUMAAT – M.S: 11**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Thanarengitham A/P Shunmugam berkenaan kad pengenalan birunya masih belum diluluskan.

3. Untuk makluman, hasil semakan mendapati permohonan status kewarganegaraan bagi Puan Thanarengitham A/P Shunmugam di bawah Perkara 19(1)(a)(i) Perlembagaan Persekutuan pada 18/10/2012 kini masih dalam pertimbangan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Keputusan permohonan status kewarganegaraan Malaysia tersebut akan dimaklumkan secara bersurat berdasarkan alamat yang dikemukakan semasa permohonan dibuat di kaunter JPN.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)